

Kehadiran Anwar tak beri kesan: Ali Rustam

MELAKA: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kehadiran Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kempen pembangkang di Ijok tidak akan memberi sebarang kesan seperti di Machap, baru-baru ini.

Ketua Menteri Melaka itu berkata, ini kerana bekas Timbalan Perdana Menteri itu semakin hilang pengaruh dan tidak mendapat sokongan ramai.

Katanya, tindakan Anwar yang mengkritik dasar kerajaan beliau sendiri terbabit merangka serta menyokong dasar berkenaan menyebabkan rakyat hilang keyakinan kepada beliau.

"Pilihan raya kecil Machap membuktikan kempen Anwar tidak memberi sebarang kesan. Ini diperakui sendiri oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang membuat kenyataan mengenainya dan disiarkan media, baru-baru ini.

"Guan Eng kecewa kerana kedatangan Anwar tidak memberi kesan ke-

pada kempen pembangkang. Di Machap baru-baru ini, Anwar berkempen di Tebong, Machap dan Melaka Pindah. Ia langsung tidak memberi kesan kepada pengundi yang memberi sokongan padu kepada BN," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di pejabatnya, Seri Negeri, Ayer Keroh di sini semalam.

Mohd Ali berkata, rakyat sendiri sedar bahawa apa yang dilakukan An-

“Pilihan raya kecil Machap membuktikan kempen Anwar tidak memberi sebarang kesan”

Mohd Ali Rustam
Ketua Menteri Melaka

war sekarang hanya memburuk-burukkan dasar dan projek kerajaan, walhal Anwar sendiri terbabit merangka serta menyokong dasar yang beliau kecam ketika ini.

"Bila dia (Anwar) dah keluar BN semua benda jadi tak baik. Dulu ketika bersama BN, semua dia sokong. Orang tengok apa yang dilakukannya pun tahu itu cerita lama.

"Malah, masalah sekolah Cina pun sudah ditangani dengan baik oleh kerajaan. Tidak ada isu yang boleh dimainkan pembangkang selain melalak dengan isu lapuk," katanya.

Sehubungan itu, beliau yakin pengundi Melayu dan Cina akan memberi sokongan padu kepada calon BN walaupun kerusi itu ditandingi MIC.

"Kita dalam masyarakat berbilang kaum kena saling membantu. Bila MIC bertanding, parti komponen BN lain termasuk Umno dan MCA kena bantu. Begitu juga sebaliknya," katanya.